

Tarikh Dibaca: 28 Ogos 2015

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“MENGISI KEMERDEKAAN MENURUT
PERSPEKTIF ISLAM***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2012-2015

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



“MENGISI KEMERDEKAAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ﴿١﴾ وَرَأَيْتَ
النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ﴿٢﴾ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ
رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ﴿٣﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kita kehadiran Allah SWT dengan penuh keyakinan dan keikhlasan, melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah **"MENGISI KEMERDEKAAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM"**.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, hari ini warga Malaysia bergembira dan memanjat kesyukuran kepada Allah SWT di atas anugerah kemerdekaan yang telah mereka kecapai sejak 58 tahun yang lalu. Sedar atau tidak, penjajah Inggeris, Belanda, Jepun, mahupun Portugis dan Komunis secara ketenteraannya sudahpun meninggalkan negara kita. Mereka pulang ke negara mereka setelah lebih 4 kurun mengaut hasil mahsul negara ini di samping membawa masuk pelbagai budaya, sistem hidup dan kepercayaan. Mereka pulang setelah berhadapan dengan perjuangan berpanjangan anak watan negara ini yang mahu memerdekakan negara dan tanahair tercinta.

Sejarah negara telah memahatkan nama-nama agong pejuang kemerdekaan sepanjang kewujudan penjajah di negara ini. Ia bermula dengan Tun Perak di zaman Melaka hinggalah kepada Raja Haji di Selangor, Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbung di Terengganu, Mat Kilau di Pahang, Mat Saleh di Sarawak, Tuan Guru Haji Hasan Monas atau lebih dikenali sebagai Tok Janggut di Kelantan dan ramai lagi pejuang-pejuang yang hebat. Sesungguhnya mereka adalah mata rantai yang bertali-temali menyambung perjuangan Rasulullah SAW dan para sahabat yang telah mengorbankan harta dan jiwa raga demi mempertahankan Negara Islam Madinah dan juga



membebaskan Kota Suci Makkah Al Mukarramah. Mereka berjuang dengan penuh ketabahan, kesabaran dan ketekunan. Mereka tidak takut dengan senjata lengkap pihak penjajah. Mereka adalah pejuang-pejuang yang tidak gentar kepada kematian kerana mereka yakin dengan janji Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 169:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ
أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾

"Jangan sekali-kali Engkau menyangka orang yang terbunuh (yang gugur Syahid) pada jalan Allah itu mati, (merek tidak mati) bahkan mereka adalah hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Setelah lebih setengah kurun negara kita mencapai kemerdekaan, adakah perjuangan kemerdekaan sudah tidak diperlukan lagi? Adakah negara sudah mencapai kemerdekaan di semua sudut kehidupan. Sesungguhnya perjuangan ini adalah perjuangan yang berterusan sepanjang hayat. Bagi kita yang hidup pasca kemerdekaan ini hendaklah bijak menyambung dan menyusun atur perjuangan ini dalam bentuk pengisian yang memberi manfaat kepada negara dan rakyatnya.

Dalam menghadapi perkembangan zaman yang pesat dengan pelbagai maklumat, rakyat Malaysia, khususnya umat Islam perlu merdeka dan bebas dari kejahilan. Rakyat Malaysia khususnya umat Islam seharusnya berusaha untuk memiliki ilmu, kerana ilmu itu adalah sesuatu yang sentiasa



berkembang maju dan perkembangannya itu pula berlaku dengan begitu pantas sekali.

Perkembangan ilmu dan teknologi ini seharusnya dikuasai oleh umat Islam. Jika umat Islam lambat dan lengah, kaum lain akan mendahului umat ini dalam menguasainya. Maka berterusanlah umat Islam menjadi kaum pembeli dan pengguna sahaja yang terdedah kepada risiko manipulasi dan penipuan kapitalis. Justeru umat Islam hendaklah bersungguh-sungguh menguasai ilmu pengetahuan kerana ia merupakan tuntutan yang difardhukan ke atas setiap muslim.

Hadis daripada Anas bin Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

"Menuntut ilmu adalah satu kefardhuan bagi setiap orang Islam."

(Riwayat Ibnu Majah).

Sidang Jumaat sekalian,

Dalam mendepani zaman serba mencabar ini juga umat Islam seharusnya membebaskan diri mereka dari segala ajaran dan pemikiran sesat yang semakin menjadi-jadi dalam negara ini. Dewasa ini kita melihat kumpulan-kumpulan yang membawa ajaran yang menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah semakin berani menyebarkan fahaman mereka secara terang-terangan. Lebih malang lagi ramai pula di kalangan umat Islam yang terpengaruh, termasuklah mereka yang berpendidikan tinggi dan juga golongan profesional. Pemikiran dan aqidah mereka bagaikan sedang terjajah oleh ideologi yang cuba



memesongkan mereka dari jalan yang benar. Untuk tujuan memelihara fahaman Islam yang sebenar, program-program pengukuhan aqidah dan pegangan agama hendaklah dimantapkan di semua peringkat sejak usia awal kanak-kanak lagi.

Kita adalah umat yang berpegang dan berpandukan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Ikutlah ajaran Islam yang sebenar. Turutilah panduan yang diberikan oleh Rasulullah SAW dan bimbingan para ulamak yang meneruskan dakwah baginda SAW. Tidak perlulah kita mengambil panduan-panduan lain selain daripada Islam.

Firman Allah dalam Surah Al An'am ayat 153:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا
السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ذَٰلِكُمْ وَصَّيْنَاكُمْ بِهِ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

"Dan sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain daripada Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) memisahkan kamu daripada jalan Allah, Itulah yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu, mudah-mudahan kamu bertaqwa".

Sidang Jumaat sekalian,

Kemerdekaan yang perlu kita perjuangkan dalam dunia hari ini ialah mengisi kemerdekaan dengan memperbaiki akhlak dan kehidupan sosial.



Merdeka di sudut akhlak bukan bermaksud memerdekakan diri dari ikatan dan panduan hidup beragama, sebaliknya membebaskan diri dari terbelenggu dengan perlakuan songsang, budaya liar, berpeleseran tanpa tujuan, fanatik dengan gaya hidup yang menyimpang daripada ajaran Islam dan gejala-gejala negatif lain.

Umat Islam perlu menyedari, bahawa Islam adalah agama yang benar dan diredhai oleh Allah. Mereka tidak perlu lagi mencontohi budaya hidup kaum lain yang tidak berlandaskan wahyu Ilahi. Untuk itu, mimbar pada hari ini menyarankan kepada semua pihak, khususnya pihak-pihak penganjur pesta hiburan supaya tidak membawa bersama budaya yang tidak bersesuaian dengan budaya hidup rakyat Negara ini.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

"Orang beriman yang sempurna ialah mereka yang berakhlak baik".

(Riwayat At Tirmizi).

Sidang Jumaat sekalian,

Dalam keghairahan umat Islam yang berjuang dan ingin kembali kepada penghayatan Islam sebenar, janganlah pula terpengaruh dengan fahaman melampau yang tidak berlandaskan syarak. Islam adalah agama mensejahterakan, agama yang mendamaikan, agama yang mementingkan keharmonian dan kehidupan yang budiman. Tidak perlulah kita memilih cara dan corak perjuangan yang mendatangkan kemudharatan yang lebih banyak dari manfaat, kerosakan lebih banyak dari kemajuan dan kucar kacir serta porak peranda yang lebih besar dari keamanan.



Nabi SAW telah mempamerkan pendekatan secara bijaksana dan penuh hikmah dalam dakwah lantas menarik perhatian umat manusia untuk mendekatkan diri dengan agama samawi ini. Begitu juga dengan perjuangan para sahabat. Walaupun mereka membawa tentera memasuki negara-negara yang dituju, namun mereka tidak memaksa penduduk negeri berkenaan memeluk Islam. Cukup dengan akhlak mulia yang mereka pamerkan dan hujah dari mulut dan lidah mereka menyebabkan penduduk negeri yang dikunjungi tertarik dengan Islam dan akhirnya mereka memeluk Islam dan menjadi penganut Islam yang sangat baik.

Antara pengajaran yang dapat diambil daripada khutbah ini adalah;

1. Umat Islam hendaklah menghayati konsep kemerdekaan yang dikurniakan oleh Allah SWT dengan mendekatkan diri kepada Allah dan mengamalkan Islam secara syumul.
2. Umat Islam hendaklah membebaskan diri daripada kejahilan, budaya liar, ajaran-ajaran sesat dan menyeleweng, ekstrim dalam perjuangan dan lain-lain.
3. Umat Islam diingatkan bahawa tidak sesuai menyambut kemerdekaan dengan pesta-pesta hiburan, sebaliknya hendaklah mengadakan program meningkatkan kesedaran dan kesyukuran kepada Allah di atas nikmat kemerdekaan yang telah dikecapi.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّهُم فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوْا
الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ^{قُلْ} وَاللَّهِ
عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. (Ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan".

(Surah al-Hajj : 41).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِأَقْرَانِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman yang difatwakan sesat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.